

Irama pantun papar cabaran masyarakat di masa depan bergema di Our Tampines Hub

Mar 31, 2018 | 03:21 PM

f 8 t Kongs



Alunan irama pantun bergema dengan di Our Tampines Hub (OTH) sejak 9 pagi tadi (31 Mac)

Memaparkan pelbagai tema, pantun ini turut membahaskan tentang nilai-nilai sosial dan moral, jalinan kemasyarakatan dan masa hadapan.

Buat pertama kalinya, peringkat akhir Pesta Pantun anjuran Persatuan Bahasa Melayu Universiti Nasional Singapura (NUS) dipersembahkan untuk tontotan khalayak ramai di OTH.

Acara itu dapat dilaksanakan dengan sokongan Geran Projek Lentur, Majlis Jawatankuasa Eksekutif Aktiviti Melayu (Mesra) Persatuan Rakyat.

Geran itu bertujuan membantu dan membiayai program dan aktiviti yang dianjurkan para pelajar institusi pengajian tinggi.

f 8 t Kongs